

ANALISIS PENGGUNAAN AYAT MAJMUK PANCANGAN DALAM KARANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

ANALYSIS OF USAGE EMBEDDED COMPOUND SENTENCES IN ESSAY OF MALAY LANGUAGE'S TEACHING AND LEARNING

Norul Haida Hj.Reduzan¹
Normarini Norzan²
Abdullah Yusof³

¹haida@fbk.upsi.edu.my, ²normarini@fbk.upsi.edu.my, ³abdullah@fbk.upsi.edu.my

Accepted date: 30-01-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Reduzan, N. H., Norzan, N., & Yusof, A. (2018). Analisis Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan Dalam Karangan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (20), 41-50.

Abstrak: Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan ayat majmuk pancangan dalam karangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Aspek yang diberi tumpuan dalam penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam karangan pelajar, dan mengenal pasti kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam karangan pelajar. Penyelidikan tertumpu kepada pelajar tingkatan satu sahaja. Sampel telah dipilih berdasarkan kepada 20 orang sahaja iaitu 10 pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu meneliti hasil karangan pelajar bagi objektif yang pertama dan kedua. Penyelidikan ini dilakukan berdasarkan buku Tatabahasa Asas Edisi Kedua iaitu karya Ahmad Khair Mohd Nor yang diterbitkan pada tahun 2014. Kajian ini juga menggunakan teori pelaziman Pavlov dimana pengkaji mengaitkan teori ini dengan proses Pengajaran dan Pembelajaran. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan ayat majmuk pancangan relatif adalah lebih tinggi berbanding ayat majmuk pancangan yang lain.

Kata Kunci: Ayat Majmuk Pancangan, Karangan, Pengajaran dan Pembelajaran, Bahasa Melayu.

Abstract: *The purpose of this research is to analyze the usage of embedded compound sentences in essay of Malay Language's Teaching and Learning. Aspects focused on this research are to identify the types of use of the embedded compound sentences contained in the students' essay, and identify the misuse of the embedded compound sentences contained in the students' essay. Research focuses on form one students. Samples were selected based on 20 subjects; 10 male and 10 females. The method used in this study is a qualitative method that examines the outcome of the student's essay for the first and second objectives. This research is based on the second edition of the Basic Grammar book, Ahmad Khair Mohd nor published in 2014. This study also uses Pavlov theory where the researcher relates this theory with the*

Teaching and Learning process. In conclusion, the findings show that the use of relative embedded compound sentences is higher than other embedded compound sentences.

Keywords: *Embedded Compound Sentences, Essay, Teaching and Learning, Malay Language*

Pendahuluan

Bahasa Melayu ialah bahasa yang indah dalam cara pertuturannya. Secara umumnya, kebanyakan penutur bahasa Melayu kini kurang menghayati keindahan bahasa dalam penggunaan seharian mereka. Penyelidikan terhadap bahasa Melayu sering kali dilakukan oleh para pengkaji – pengkaji bahasa sejak dahulu sehingga kini.

Bahasa adalah satu alat yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara mereka. Komunikasi berlaku apabila bunyi-bunyi bahasa itu dihasilkan oleh alat ujaran manusia yang dipanggil artikulasi. Bunyi yang dihasilkan oleh manusia memberi maklumat kepada pendengar untuk berkomunikasi antara mereka. Sesuatu komuniti bahasa mempunyai peraturan tertentu sebagai panduan bagi ahli-ahlinya untuk menggunakan bahasa dengan betul. Bahasa yang digunakan secara berterusan dalam kehidupan sesuatu masyarakat sentiasa berkembang sesuai dengan perkembangan sosial yang berlaku dalam masyarakatnya. Kesenambungan dengan itu, kajian ini sangat relevan untuk mengenal pasti jenis-jenis penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam karangan pelajar, dan mengenal pasti kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam karangan pelajar.

Pernyataan Masalah

Hafidzah Yob (2003) yang menjalankan satu kajian yang bertajuk “*Kesalahan Ayat Majmuk dalam Karangan Bahasa Melayu: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Arau, Perlis*”. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat kesalahan ayat-ayat majmuk yang telah dibina oleh para pelajar di dalam karangan mereka. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 784 ayat majmuk yang telah dibina oleh pelajar dalam 40 buah karangan mereka. Daripada keseluruhan jumlah tersebut didapati tiga jenis ayat majmuk yang telah digunakan iaitu ayat majmuk pancangan, ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk campuran. Jenis ayat yang paling banyak digunakan oleh pelajar dalam menghasilkan karangan yang baik ialah ayat majmuk gabungan iaitu sebanyak 368 ayat atau 46.9%. Ayat majmuk pancangan pula menunjukkan 301 ayat atau 38.4% penggunaan yang kedua tertinggi dan ayat majmuk campuran pula menunjukkan peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 115 ayat atau 14.7%. Menurut beliau lagi, terdapat lima faktor penyebab berlakunya kesalahan ayat majmuk. Iaitu:

- i) Penggunaan kata hubung yang tidak betul atau tidak mengikut fungsinya. Hanya kata hubung jenis pancangan relatif dan kata hubung gabungan *dan* sahaja yang kurang mengalami kesalahan.
- ii) Tidak sempurna pemancangan ayat kecil ke dalam ayat induk.
- iii) Makna keseluruhan ayat tidak sempurna dan tidak gramatis.
- iv) Terdapat pengaruh tatabahasa atau dialek. Biasanya pelajar akan menulis ayat berdasarkan dialek percakapan mereka terutamanya pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar.

- v) Susunan fakta-fakta ayat tidak menunjukkan hubungan logikal di antara satu dengan yang lain.

Faktor tersebut jelas menunjukkan bahawa masih ramai pelajar yang tidak tahu menggunakan ayat majmuk yang betul dalam penulisan karangan. Ayat majmuk hadir dalam satu klausa dengan klausa yang lain untuk membentuk satu ayat yang gramatis. Sekiranya, hanya terdapat satu klausa sahaja, ayat yang dihasilkan adalah tidak gramatis. Hal ini menunjukkan penggunaan ayat majmuk dalam karangan penulisan sangat penting untuk membentuk satu ayat yang utuh. Hasil kajian dapat dilihat secara terperinci melalui jadual di bawah ini:

Jadual 1: Menunjukkan Jenis Kesalahan Dan Kadar Peratusannya.

Jenis Kesalahan	Bilangan Kesalahan	Peratusan (%)
Sintaksis	244	35.0
Morfologi	241	35.5
Leksikal	109	15.6
Ortografi	66	9.5
Salan pengucapan (BI)	38	5.4
Jumlah	698	100

Hasil kajian mendapati purata panjangnya esei ialah 559 perkataan. Selain itu, beliau mendapati terdapat 698 kesalahan bahasa dan setiap sampel mempunyai 5 hingga 49 kesalahan bahasa. Kesalahan bahasa yang paling kerap berlaku ialah dalam aspek sintaksis iaitu sebanyak 35% atau 244 kesalahan bahasa manakala salah pengucapan iaitu penggunaan bahasa Inggeris dalam karangan menunjukkan peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 38 kesalahan atau bersamaan 5.4% .

Sorotan Kajian

Noor Zulkhesham Omar (2009) dalam *Analisis Ayat Majmuk Pancangan Komplemen Dalam Cerpen Antologi Di Hadapan Pulau Untuk Pelajar Tingkatan Empat*. Beliau mendapati bahawa penggunaan kata hubung *bahawa* dan *untuk* dalam ayat majmuk pancangan komplemen adalah lebih tinggi atau kerap berbanding dengan kata hubung yang lain. Kekerapan penggunaan kata hubung *untuk* menunjukkan peratus yang tertinggi berdasarkan hasil analisis data yang diperoleh iaitu sebanyak 116 kali atau bersamaan 60.1%. Penggunaan kata hubung *bahawa* pula berjumlah 77 kali atau 39.8% daripada jumlah keseluruhan penggunaan kata hubung yang terdiri daripada *bahawa* dan *untuk* yang terdapat dalam novel yang dikaji oleh beliau. Nik Safiah Karim et. al., (1993) menyatakan bahawa ayat komplemen merupakan sebahagian dalam binaan ayat majmuk yang berfungsi sebagai unsur yang melengkapkan ayat tersebut. Ini bermakna, klausa akan membentuk sebagai satu ayat komplemen dan apabila dipisahkan kedua-dua klausa tersebut, hubungan antara kedua-dua klausa itu akan hilang dan klausa itu tidak lagi membawa sebarang makna. Hal ini jelas menunjukkan hubungan antara satu klausa dengan klausa yang lain memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan satu ayat majmuk yang baik. Selain itu, penggunaan ayat majmuk dalam menghasilkan ayat yang lengkap juga sangat penting untuk memastikan karya penulisan yang dihasilkan lebih cantik dan tersusun.

Roslina Mohamad Noor (2000). Kajian yang dijalankan yang bertajuk *Analisis Kesilapan Penggunaan dan Penulisan Kata Majmuk di Kalangan Pelajar Tingkatan Satu di Sebuah Sekolah Menengah*. Hasil kajian menunjukkan penggunaan dan penulisan kata majmuk masih

berada pada tahap sederhana. Kajian ini dijalankan menggunakan 2 ujian iaitu ujian imlak dan ujian objektif aneka pilihan. Ujian 1 merupakan ujian imlak yang mengandungi 24 item. Manakala ujian 2 pula merupakan ujian objektif yang mengandungi 30 soalan objektif aneka pilihan. Ujian 1 (ujian imlak) bertujuan untuk menguji prestasi responden dalam bidang penulisan kata majmuk dan ujian 2 (ujian objektif) pula bertujuan untuk memperlihatkan pencapaian responden dari segi penggunaan kata majmuk.

Hasil dapatan mendapati, pencapaian dalam ujian objektif aneka yang menguji pelajar dari aspek penggunaan kata majmuk adalah lebih baik jika dibandingkan dengan ujian imlak yang menguji pelajar dari segi penulisan kata majmuk. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar lebih menguasai dari aspek penggunaan kata majmuk iaitu sebanyak 65.3% berbanding dengan penulisan kata majmuk iaitu sebanyak 53.7%. Penggunaan kata majmuk yang betul sememangnya menjadi persoalan yang sering diperkatakan terutamanya daripada aspek penulisannya, iaitu sama ada ditulis bercantum atau terpisah. Hal ini berlaku kerana masih ada segelintir pengguna bahasa Melayu sendiri yang keliru dan kurang pasti akan cara penulisan kata majmuk yang betul.


Menurut tatabahasa Dewan, dalam Ahmad Khair Ahmad Noor et. al., (2014:219) sintaksis merupakan bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Tambah beliau lagi, dalam bidang sintaksis, yang dibincangkan ialah struktur frasa, klausa dan ayat. Misalnya, ayat terdiri daripada klausa sebagai unsurnya, klausa terdiri daripada frasa sebagai unsurnya, dan frasa terdiri daripada kata sebagai unsurnya. Ini jelas menunjukkan bahawa, sintaksis, ayat, klausa, frasa dan kata mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain untuk membentuk ayat yang utuh. Penggunaan aspek sintaksis yang tepat dan betul akan menambah keberkesanan komunikasi lebih-lebih lagi apabila melibatkan pembelajaran pada peringkat pengajian tinggi. Pengkaji berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang betul dan gramatis memudahkan seseorang penutur untuk berkomunikasi dengan penutur dan pendengar akan lebih memahami akan maksud yang ingin disampaikan oleh penutur. Oleh itu, penggunaan bahasa yang baik memainkan peranan yang penting untuk seseorang menyampaikan maklumat kepada pendengar atau penerima maklumat supaya maklumat yang diterima adalah tepat dan betul dengan maklumat yang ingin disampaikan oleh penutur.

Dapatan Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan dengan lebih mendalam lagi mengenai penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam penulisan karangan pelajar. Analisis yang dijalankan ini adalah berdasarkan persoalan dan objektif kajian seperti yang dinyatakan dalam Bab 1.

Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan Secara Keseluruhan dalam Karangan Pelajar

Pengkaji akan menganalisis jenis-jenis penggunaan ayat majmuk pancangan yang terdapat dalam karangan pelajar. Dalam analisis data, kesalahan bentuk ayat majmuk pancangan yang digunakan oleh pelajar dikeluarkan dan disenaraikan dalam bentuk jadual. Selain itu, pengkaji turut memaparkan data keseluruhan bilangan pelajar yang menggunakan ayat majmuk pancangan dalam penulisan karangan mereka. Hal ini adalah bertujuan untuk memperincikan data yang diperoleh secara lebih mendalam.



Graf 1: Bilangan Responden yang Menggunakan Jenis Kelompok Ayat Majmuk Pancangan

Hasil analisis data graf 1 mendapati, hampir kesemua responden menggunakan ayat majmuk pancangan dalam penulisan karangan mereka. Sebanyak 100% iaitu 20 orang responden menggunakan ayat majmuk pancangan relatif dalam penulisan karangan mereka. Manakala, ayat majmuk pancangan komplemen dan ayat majmuk pancangan keterangan pula masing-masing menunjukkan jumlah yang sama iaitu 95% iaitu bersamaan dengan 19 orang responden. Oleh itu, dapat dilihat betapa pentingnya penggunaan ayat majmuk pancangan dalam penulisan karangan untuk membina ayat yang mantap.

Kelompok Ayat Majmuk Pancangan	Jenis Kata Majmuk	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ayat majmuk pancangan relatif	Yang	20	100
Ayat majmuk pancangan komplemen	Untuk	17	85
Ayat majmuk pancangan keterangan	1) Tujuan:		
	Demi	1	5
	Bagi	6	30
	2) Harapan:		
	Agar	3	15
	Supaya	5	25
	3) Perbandingan:		
	Seperti	5	25
	Daripada	14	70
	Bak	2	10
4) Musabab:			
Kerana	10	50	

Jadual 1: Bilangan Responden yang Menggunakan Jenis Ayat Majmuk Pancangan

Hasil analisis data, mendapati ramai responden yang menggunakan ayat majmuk pancangan relatif dalam penulisan karangan mereka. Data menunjukkan, semua pelajar menggunakan ayat majmuk pancangan relatif ini dalam penulisan karangan mereka iaitu sebanyak 20 orang pelajar atau 100%. Hal ini demikian kerana, ayat majmuk pancangan relatif *yang* digunakan untuk meluaskan frasa subjek atau frasa predikat. Contoh ayat ialah:

Pelajar 1	<i>Dalam meniti arus perdana yang kian mencabar ini, masalah obesiti semakin meningkat dalam kalangan rakyat dinegara kita.</i>
-----------	--

Selain itu, ayat majmuk pancangan komplemen *untuk* pula menunjukkan bilangan yang kedua tertinggi iaitu sebanyak 17 orang responden atau 75%. Ayat majmuk pancangan komplemen ini berfungsi untuk melengkapkan ayat supaya ayat yang dihasilkan akan lebih bermakna. Contoh ayat ialah:

Pelajar 2	<i>Konklusinya, kita haruslah sedar bahawa tiada jalan mudah untuk menguruskan dan mengawal berat badan.</i>
-----------	---

Menurut Ahmad Khair Mohd Nor et. al., (2014) ayat majmuk pancangan keterangan terbahagi kepada 9 jenis. Iaitu:

Kata majmuk pancangan Keterangan:

- keterangan waktu
- keterangan musabab
- ketangan akibat
- keterangan pertentangan
- keterangan syarat
- keterangan cara
- keterangan tujuan
- keterangan harapan
- keterangan perbandingan

Berdasarkan hasil analisis data, pengkaji mendapati hanya 4 jenis kelompok ayat majmuk pancangan keterangan yang digunakan oleh responden dalam menghasilkan sebuah karangan. Oleh itu, pengkaji hanya mengeluarkan apa yang terdapat berdasarkan hasil analisis data. Hasil analisis data menunjukkan ayat majmuk pancangan keterangan perbandingan *daripada* menunjukkan peratusan yang tinggi berbanding ayat majmuk pancangan keterangan yang lain iaitu sebanyak 70% atau bersamaan 14 orang responden. Contoh ayat ialah:

Pelajar 3	<i>Hal ini demikian kerana banyak penyakit kronik berpunca daripada masalah obesiti</i>
-----------	--

Ayat di atas menunjukkan keterangan kesan masalah obesiti sehingga menjadi penyebab kepada masalah penyakit kronik. Ini bersesuaian dengan jenis ayat majmuk pancangan

keterangan perbandingan oleh Ahmad Khair Mohd Nor et. al., (2014) yang mendefinisikan ayat majmuk keterangan perbandingan ini membawa keterangan tentang sesuatu kejadian secara perbandingan.

Selain itu, ayat majmuk pancangan keterangan musabab *kerana* pula menunjukkan bilangan kedua tertinggi pada kelompok ayat majmuk pancangan keterangan iaitu sebanyak 50% atau 10 orang responden. Menurut Ahmad Khair Mohd Nor et. al., (2014) ayat majmuk pancangan keterangan musabab ini menerangkan sebab atau alasan berlakunya sesuatu kejadian atau perbuatan. Contoh ayat ialah:

Pelajar 4	<i>Orang yang mengalami masalah obesiti juga tidak dapat menikmati kehidupan mereka sepenuhnya kerana badan yang terlalu gemuk sudah semestinya membataskan pergerakan mereka.</i>
-----------	---


Ayat majmuk pancangan harapan *supaya* pula menunjukkan 25 % atau bersamaan 5 orang responden yang menggunakan jenis ayat majmuk pancangan harapan *supaya* dalam penulisan karangan mereka. Ayat majmuk pancangan harapan *supaya* ini digunakan untuk memberi keterangan tentang sesuatu yang diingini atau dihajati. Contoh ayat ialah:

responden 5	<i>Oleh itu, kita perlulah menjaga badan supaya sentiasa sihat.</i>
-------------	--

Selain itu, ayat majmuk pancangan keterangan tujuan *bagi* menunjukkan bilangan yang memuaskan iaitu sebanyak 6 orang responden iaitu 30%. Ayat majmuk pancangan keterangan tujuan ini digunakan untuk memberi keterangan tentang sesuatu tujuan atau harapan bagi sesuatu perbuatan dilakukan. Contoh ayat yang digunakan oleh responden ialah:

Pelajar 6	<i>Tambahan pula, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menguar-uarkan slogan “Makan secara sihat, sihat sepanjang hayat” bagi memastikan rakyat mengamalkan pemakanan sihat.</i>
-----------	---

Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan yang Terdapat dalam Karangan Pelajar.



Graf 2: Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan yang Terdapat dalam Karangan Pelajar.

Kelompok Ayat Majmuk Pancangan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ayat majmuk pancangan relatif	7	35
Ayat majmuk pancangan komplemen	0	0
Ayat majmuk pancangan keterangan	3	15
JUMLAH	10	50

Jadual 2: Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk Pancangan yang Terdapat dalam Karangan Pelajar.

Berdasarkan hasil analisis graf 2 dan jadual 2, seramai 10 orang responden atau 50 % daripada jumlah keseluruhan responden telah melakukan kesalahan dalam penggunaan ayat majmuk pancangan yang betul. Manakala, 10 orang responden lagi tidak menunjukkan sebarang kesalahan dalam penggunaan ayat majmuk pancangan yang betul dalam penulisan karangan mereka. Hal ini menunjukkan separuh responden menggunakan ayat yang gramatis dalam menghasilkan satu karangan yang mantap. Oleh itu, jadual di atas hanya menunjukkan kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan sahaja.

Hasil analisis data juga mendapati, ramai responden yang melakukan kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan relatif yang betul. Hasil analisis menunjukkan seramai 7 orang responden bersamaan dengan 35 % yang telah melakukan kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan relatif yang dalam penulisan karangan mereka. Contohnya ialah:

Pelajar 7	<i>Fenomena ini terjadi kerana para remaja suka makan makanan yang segera tinggi kalori. (salah)</i>
	<i>Fenomena ini terjadi kerana para remaja suka makan makanan segera yang berkalori tinggi. (betul)</i>

Ayat di atas menunjukkan penggunaan ayat yang tidak gramatis. Responden menggunakan ayat majmuk pancangan relatif **yang** pada konteks ayat yang salah. Ini adalah bersesuaian dengan pendapat tokoh Ahmad Khair Mohd Nor et. al., (2014) bahawa ayat relatif juga dikenali sebagai ayat peluas kerana klausa relatif berfungsi meluaskan frasa subjek atau frasa predikat. Klausa relatif ini akan menjadi klausa tak bebas yang menerangkan klausa bebas. Penerbitan ayat di atas mengalami proses seperti yang berikut:

Proses pertama: Fenomena ini terjadi kerana para remaja suka makan.
 Proses Kedua: Makanan segera itu berkalori tinggi.
 Proses ketiga: Fenomena ini terjadi kerana para remaja suka makan makanan segera **yang** berkalori tinggi.

Proses di atas menerangkan proses penerbitan ayat majmuk pancangan relatif **yang** dengan betul. Penggunaan ayat yang digunakan haruslah bersesuaian dengan konteks ayat dan mengikut hukum tatabahasa yang betul. Selain itu, terdapat beberapa contoh lain yang menunjukkan kesalahan penggunaan ayat majmuk pancangan yang betul dalam penulisan karangan responden. Contohnya ialah:

Pelajar 8	<i>Kita haruslah mengambil kira keperluan karbohidrat, lemak dan zat-zat yang pemakanan sesuai dengan peringkat umur.</i> (salah)
	<i>Kita haruslah mengambil kira keperluan karbohidrat, lemak dan zat-zat pemakanan yang sesuai dengan peringkat umur.</i> (betul)

Responden di atas juga menunjukkan penggunaan ayat majmuk pancangan relatif **yang** tidak gramatis. Responden menggunakan ayat majmuk pancangan relatif **yang** pada konteks ayat yang salah. Pengkaji telah membetulkan penggunaan ayat majmuk pancangan relatif **yang** pada ayat di atas. Selain itu, penggunaan ayat majmuk pancangan komplemen tidak menunjukkan sebarang kesalahan iaitu sebanyak 0 %. Semua responden menggunakan ayat pancangan komplemen dengan betul dan mengikut hukum tatabahasa yang betul. Tiada seorang responden pun menggunakan ayat majmuk pancangan komplemen dalam konteks ayat yang salah.

Kesimpulan

Kesimpulan daripada kajian ini, diharapkan dapat membantu pengkaji dan pembaca memahami penggunaan ayat majmuk pancangan secara terperinci dan betul. Sesungguhnya cabang ilmu tatabahasa sangat luas. Terdapat banyak lagi cabang-cabang tatabahasa yang boleh dikaji dan diterokai. Berdasarkan cadangan yang diberikan, pengkaji berharap kajian yang akan datang akan memberi lebih manfaat kepada pelajar, pengkaji dan orang ramai.

Rujukan

Ab. Razak Ab. Karim, Nurul Ain binti Alizuddin (2016). *Pantun Melayu: Analisis Ayat Majmuk Pancangan Bahasa Melayu*. Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa.

- Ahmad Khair Mohd Nor et al. (2014). *Tatabahasa Asas Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, N. (1957). *Syntactic structures. The Hague: Mouton*. Chomsky, N. (1965). *Aspects of the Theory of Syntax*. Massachusetts: MIT Press.
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the Theory of Syntax*. Massachusetts: MIT Press
- Hafidzah Yob. (2003). *Kesalahan Ayat Majmuk dalam Karangan Bahasa Melayu: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Arau, Perlis*. Tesis Sarjana Muda. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hasan Alwi, 2013. *Perbandingan Tatabahasa Dewan dengan Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia, 648 halaman*, ISBN 978-983-46-1232-6
- Hashim Musa. (1989). *Sintaksis Bahasa Melayu suatu huraian berdasarkan rumus struktur frasa*. Kuala Lumpur: Express Printers Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Linguistik transformasi generatif: Suatu penerapan pada bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1996). *Pantun Melayu: Satu garapan struktur ayat*. Dlm. Wan Ab. Kadir Wan Yusoff (Ed.). *Pantun dan manifestasi minda masyarakat* (hlm. 15–25). Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Om, Hashim Hj Musa, Abdul Hamid Mahmood. 2011. *Tatabahasa Dewan. Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et al. (2008) *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1978). *Bahasa Malaysia syntax: Some aspects of its standardization*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roslina Mohamad Noor. (2000). *Analisis Kesilapan Penggunaan dan Penulisan KataMajmuk di Kalangan Pelajar Tingkatan Satu di Sebuah Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana Muda. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zulkhesham Omar. (2009). *Analisis Ayat Majmuk Pancangan Komplemen dalam Cerpen Antologi Di Hadapan Pulau Untuk Pelajar Tingkatan Empat*. Tesis Sarjana Muda. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.